

Harian Metro - 9/5/2016

EKSPEDISI SAINTIFIK 4 HARI

Seramai 90 warga Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu, terdiri daripada penyelidik dan siswa menyertai Ekspedisi Saintifik Pacuan Empat Roda Siri II (ESPER II) di Lata Berangin, Hulu Keruak, Besut, Terengganu selama empat hari, baru-baru ini.

Program tahunan anjuran Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI) UniSZA itu bertujuan memastikan kelestarian alam sekitar selain menjadikan peneraju dalam penyelidikan sains forensik berkaitan alam sekitar di Malaysia.

>7



KUKUH PENGETAHUAN SAINTIFIK

Pemindahan ilmu, kesedaran alam sekitar kepada peserta dan penduduk

RENCANA DARI MUKA 1

Pengaruh ESERI Prof Madya Dr Hafizan Juahir berkata, ESPER II diharap dapat melaksanakan pemindahan ilmu dalam pengawalan, penjagaan dan kesedaran alam sekitar kepada peserta dan penduduk setempat melalui pengumpulan data penyelidikan sepanjang program ini.

"Ekspedisi ini bertujuan mengukuhkan pengetahuan saintifik terhadap kawasan sekitar Lata Berangin, Hulu Keruak yang sebelum ini kurang diketahui."

Peserta mempelajari cara mencari dan menyelidik secara terperinci, sedangkan diperlukan kerjasama penyelidikan dan pertukaran idea serta

pendapat dalam kalangan penyelidik daripada universiti dan agensi kerajaan terbarat," katanya.

Beliau berkata, masyarakat setempat juga mendapat manfaat melalui program pemindahan ilmu kesedaran alam sekitar.

"Kita juga akan terbitkan sebuah Coffee Table Book berkenaan flora, fauna dan kajian status alam sekitar di Lata Berangin."

"Bagi memastikan penyelidikan ini memperoleh hasil terbaik, kami membawa semua peralatan penyelidikan untuk mengumpul data dan dijadikan rujukan kerana kawasan itu dibawah pentadbiran Jabatan Perhutanan Terengganu," katanya.

Menurut Dr Hafizan, lokasi itu dipilih kerana kewujudan hutan simpan yang

sesuai untuk penyelidikan kerana belum diterokai serta dikelilingi pokok herba yang mempunyai pelbagai khasiat,

sungai yang bersih dan kaya dengan kepelbagaian flora dan fauna. - Mohd Safuan Amir Mohd Saidi

PESERTA bergambar kenangan selepas program berakhir.

